



SELANGOR

PERCUMA 27 Februari - 6 Mac 2015, 8 - 15 Jamadilawal 1436 www.selangorku.com

Denggi naik 66 peratus walau terjah mula berhasil

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Kes denggi di Selangor meningkat 66 peratus pada Februari lalu berbanding tempoh sama tahun lalu.

Sehingga 21 Februari lalu, Exco Kesihatan, Dr Daroyah Alwi, berkata sebanyak 2,427 kes dicatat berbanding 7,507 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

Bagaimanapun, katanya, Pasukan Khas Terjah dan Musnah Denggi menunjukkan keber-

kesan berikutan penurunan kes selepas ia dilancarkan 7 Februari lalu.

"Pada minggu epid kelima, ada 1,025 kes dan ia menurun pada minggu epid keenam iaitu 917 kes dan 883 kes pada minggu epid ketujuh," katanya pada sidang media 25 Februari lalu.

Beliau berkata, keadaan masih terkawal berbanding negeri lain termasuk Pulau Pinang yang mencatat pening-

katan 300 peratus.

Katanya, sebanyak 231 kompaun dikenakan terhadap semua jenis premis dan 126 notis dikeluarkan manakala 29 penutupan premis dibuat.

"Pasukan khas menyerbu lebih 200,000 premis di setiap daerah dan 1,620 positif pembiakan nyamuk Aedes," katanya.

Dr Daroyah juga bercadang menghantar sukarelawan bagi membantu hospital yang

kekurangan tenaga kerja khususnya Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang.

Katanya, sukarelawan akan membantu kelancaran proses penerimaan pesakit di ruang kecemasan dan mengedar makanan serta minuman.

"Ada menunggu hingga tiga jam untuk dapat katil. Kita harap mereka terima cadangan itu," katanya, menambah ia dalam proses perbincangan dengan pentadbiran hospital.



Kebakaran hutan: Bomba bersiap siaga

Hindar aktiviti pembakaran terbuka di musim panas kerana ia memburukkan lagi keadaan. Kerjasama semua pihak membantu menyelamatkan kawasan hutan, sekaligus menghindari berlakunya pencemaran udara serius dan memburukkan lagi cuaca di musim panas.

BERITA DI MUKA 6

Penstrukturan air Selangor selesai Mac - Zaidy

Pada masa sekarang ia di peringkat akhir, akan diselesaikan Mac nanti. Tarikhnya sudah ada

BERITA DI MUKA 7



Datum Jelatek: Cerita lama jadi ungkitan

Kesimpulannya, projek itu bukan sahaja tidak mengakibatkan kesan negatif, malah meninggalkan lagi nilai hartanah dan ekonomi setempat. - Azlan Md Alifiah, Pengerusi Datumcorp International

BERITA DI MUKA 8 & 9

139 penghuni Bukit Botak dapat pinjaman rumah 100%

Bantuan itu dikhususkan kepada penghuni yang tidak berkemampuan untuk membuat pinjaman bank disebabkan faktor usia selain berpendapatan rendah.

BERITA DI MUKA 12



LAPORAN KHAS

Harga bawah RM250,000 seunit

8,402 Rumah Selangorku dilancar April

Untuk tahun ini, sebanyak 15,000 unit akan mula dibina manakala 35,000 unit lagi akan dibangunkan menjelang 2018.

LAPORAN LANJUT DI MUKA 2-5



MANIFESTO

- Bermula 2015, sasaran pembinaan 15,000 unit Rumah Selangorku dibina dalam tempoh tiga (3) tahun.
- Menyediakan kediaman yang selesa, berkualiti, mampu dimiliki, ataupun mampu sewa supaya dapat meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat.
- Membentuk masyarakat berdaya saing dan harmoni melalui pemilikan perumahan yang selesa dan pakej rangsangan komuniti.

DASAR RUMAH SELANGORKU

- Penjenamaan semula dengan dikenali sebagai RUMAH SELANGORKU yang terdiri daripada rumah berharga RM42,000 hingga RM250,000
- RUMAH SELANGORKU boleh dibina bersekali dalam skim pembangunan / blok (STRATA) bagi jenis pembangunan berbilang tingkat.

SYARAT KELAYAKAN

RUMAH SELANGORKU JENIS A
(Rumah Kos Rendah)

1. Warganegara Malaysia
2. Berumur 18 tahun ke atas
3. Pendapatan pokok bawah RM3,000 sebulan
4. Pemohon (suami/isteri) tidak mempunyai sebarang jenis rumah kediaman di Selangor jika ingin memohon rumah Selangorku jenis A
5. Pemohon Bujang berumur 25 tahun ke atas layak memohon
6. Permohonan adalah untuk didiami dan bukan untuk disewa
7. Pindahmilik (sub-sale) hanya dibenarkan selepas 5 tahun
8. Berdaftar di Lembaga Perumahan & Hartanah Selangor (LPHS)

RUMAH SELANGORKU JENIS B, C, & D

1. Warganegara Malaysia
2. Berumur 18 tahun ke atas
3. Pendapatan pokok tidak melebihi RM3,000 sebulan
4. Pemohon yang telah memiliki Rumah Kos Rendah sealam lima (5) tahun ke atas boleh memohon Rumah Selangorku jenis B, C, & D
5. Pemohon Bujang berumur 25 tahun ke atas layak memohon
6. Permohonan adalah untuk didiami dan bukan untuk disewa
7. Pindahmilik (sub-sale) hanya dibenarkan selepas 5 tahun
8. Berdaftar di Lembaga Perumahan & Hartanah Selangor (LPHS)

Rumah mampu milik diperbanyak

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Pembinaan 8,402 unit rumah mampu milik Selangorku akan dilancarkan seawat-lewatnya April tahun ini, kata Exco Perumahan, Pengerus Binaan dan Kehidupan Bandar Kerajaan Selangor, Datuk Iskandar Abdul Samad.

Katanya, pelancaran itu dijangka dibuat di Bandar Bukit Raja, Bandar Bukit Tinggi, Bandar Parklands di Klang, Cyberjaya di Sepang dan Bandar Rimbayu di Kuala Langat.

"Rumah Selangorku adalah rumah yang wajib dibina pemaju dengan harga antara RM42,000 hingga RM250,000 sebuah.

"Kerajaan Negeri mensasarkan 35,000 unit mula dibina menjelang 2018. Untuk 2015, sebanyak 15,000 unit akan mula dibina," katanya pada kenyataan media.

Iskandar mengulangi komitmen Kerajaan Selangor untuk memperbanyak rumah mampu milik kepada rakyat negeri ini.



Perlaksanaan projek perintis rumah Selangorku di Taman Ukay Indah, Sungai Sering



Orang bujang boleh beli

SHAH ALAM - Syarat pemilikan rumah mampu milik dilonggar dengan membenarkan golongan bujang berusia 25 tahun ke atas membeli Rumah Selangorku.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar Kerajaan Selangor, Datuk Iskandar Abdul Samad berkata, ia bertujuan memberi peluang lebih ramai rakyat memiliki Rumah Selangorku.

"Peraturan sekarang hanya membenarkan mereka yang belum berkahwin membeli rumah itu jika mereka berusia 40 tahun ke atas," katanya pada kenyataan media, 19 Februari lalu.

Rumah Selangorku berharga antara RM42,000 hingga RM250,000 sebuah.

Beliau menyeru golongan itu mengambil peluang memiliki rumah berkenaan.



Pendapatan isi rumah bawah RM8,000

SHAH ALAM - Sebanyak 726 unit Rumah Selangor melalui sembilan projek dibuka untuk dibeli orang ramai pada harga bawah RM250,000.

Exco Perumahan, Datuk Iskandar Abdul Samad, berkata unit itu adalah baki dari 1,683 unit yang pernah ditawarkan untuk dijual.

Katanya, lokasi projek itu ialah Bandar Baru Bangi, Cheras; Taman Subang Mas, Sutera Damansara, Desa Alam U12, Antara Gapi, Cyberjaya dan Taman Emas Dengkil.

"Mereka boleh melayari laman web Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor untuk

maklumat lanjut.

"Rumah Selangorku adalah rumah mampu milik bawah RM250,000 sebuah. Sementara pendapatan isi rumah pembeli mesti tidak melebihi RM8,000 sebulan," katanya pada kenyataan media.

Beliau berkata, rumah Selangorku wajib dibina pemaju manakala kerajaan negeri menasarkankan 15,000 unit dibina sepanjang tahun ini.

"Sasaran keseluruhan ialah 35,000 unit siap menjelang 2018. Sebanyak 8,402 unit akan dilancarkan selewat-lewatnya April ini," katanya.



Pelaksanaan projek perintis rumah Selangorku di Antara Gapi, Serendah

SPEKIFIKASI RUMAH & KEMUDAHAN

JENIS BANGUNAN KEDIAMAN	LUAS BINAAN (kp)	HARGA JUALAN (MAKSIMUM)	SYARAT PENDAPATAN	KEMUDAHAN
RUMAH SELANGORKU JENIS A	700	42,000	BAWAH RM3,000	* Berpagar * 10% kawasan lapang * Taman permainan kanak-kanak * Gelanggang permainan * Surau * Dewan * Penjabat Pengurusan * 2 Tempat Letak Kereta (TLK) (1 untuk unit, 1 untuk dibeli) * Kecuali bagi rumah Jenis A & B hanya 1 TLK (disertakan bersama unit) * 20% Tempat Letak Kereta Pelawat * Ruang/pusat pendidikan komuniti * Kediaman OKU minimum 2 unit setiap blok
RUMAH SELANGORKU JENIS B	750	100,000	BAWAH RM6,000	
RUMAH SELANGORKU JENIS C	800 900 18 X 60	150,000 180,000 200,000	BAWAH RM6,000 BAWAH RM6,000 BAWAH RM6,000	
RUMAH SELANGORKU JENIS D	1,000 20 X 60	220,000 250,000	BAWAH RM8,000	<u>Tambahan (Mengikut kesesuaian)</u> * 2 Tempat Letak Kereta (2 petak bagi setiap unit) * Kolam renang * Gelanggang serbaguna * Kedai / Gerai komuniti


PERMOHONAN

Hanya melalui atas talian 'online' atau muat turun borang permohonan di laman web LPHS

<http://lphs.selangor.gov.my>

TALIAN LPHS

- 03 - 5510 2177
- 03 - 5510 2389
- 03 - 5510 3487
- 03 - 5544 7950



Dokumen yang diperlukan untuk permohonan

- Salinan kad pengenalan pemohon dan pasangan
- Salinan kad pengenalan atau sijil kelahiran anak-anak/tanggung
- Salinan Surat Nikah/Daftar Perkahwinan/ Surat Cerai/Sijil Kematian pasangan
- Surat Pengesahan bujang daripada majikan atau Pesuruhjaya Sumpah sekiranya bekerja sendiri bagi pemohon yang belum berkahwin
- Penyata gaji terkini atau pengesahan pendapatan daripada Pesuruhjaya Sumpah sekiranya bekerja sendiri
- Surat akuan bersumpah daripada pesuruhjaya sumpah sekiranya pasangan tidak bekerja
- Penyata KWSP (jika ada)
- Salinan bil air atau bil elektrik



Rumah Selangorku Ukay Indah (Pemaju : Lembaga Perumahan & Hartanah Selangor (LPHS))

- MMKN meluluskan sebahagian tanah milik MBI berkeluasan 68.24 ekar di Sungai Sering, Hulu Kelang, Gombak dibangunkan Rumah Selangorku
- LPHS sebagai pemaju/penyelaras projek
- Pada 22 Februari 2014 Majlis Pecah Tanah dirasmikan YAB Dato' Menteri Besar Selangor DAN MOU dimeterai
- Cadangan pembangunan projek Rumah Selangorku dengan 2,496 unit dengan keluasan 900 kaki persegi (JENIS C) dan 1,000 kaki persegi (JENIS D)
- 32 unit kedai pejabat dua tingkat juga dibina dengan keluasan 24' x 70' sebagai pelengkap kepada sesebuah pembangunan.
- Harga yang ditawarkan bermula RM220,000 (JENIS C) hingga RM250,000 (JENIS D)

Pembinaan mengikut zon

LAPORAN KHAS

PENYEDIAAN Rumah Selangorku dikategori mengikut zon yang terbahagi kepada tiga iaitu Zon 1, 2 dan 3.

Zon 1 ialah Lembah Kelang meliputi mukim di daerah antaranya Petaling (keseluruhan Daerah Petaling), Gombak (Mukim Batu dan Hulu Kelang), Klang (Mukim Klang), Hulu Langat (Mukim Cheras, Kajang, Ampang dan Semenyih) dan Sepang (Kawasan Cyberjaya).

Zon 2 pula mukim di daerah antaranya Gombak (Mukim Setapak dan Rawang), Hulu Langat (Mukim Hulu Langat, Beranang dan Hulu Semenyih), Klang (Mukim Kapar), Sepang (Keseluruhan Daerah Sepang kecuali Cyberjaya), Kuala Langat (Keseluruhan Daerah Kuala Langat), Kuala Selangor (Mukim Ijok, Kuala Selangor, Jeram, Batang Berjuntai (Bestari Jaya) dan Hujung Permatang).

Zon 3 ialah mukim di daerah antaranya Kuala Selangor (Mukim Pasangan, Tg Karang dan Hulu Tinggi), Hulu Selan-

Jenis Kediaman	% Pembinaan Dalam Kawasan Lembah Klang	% Pembinaan Luar Kawasan Lembah Klang
Rumah Kos Rendah (Jenis A)	20%	20%
Rumah Kos Sederhana Rendah (Jenis B, C)	20%	10%
Rumah Kos Sederhana (Jenis D)	10%	10%

gor (Keseluruhan Daerah Hulu Selangor) dan Sabak Bernam (Keseluruhan Daerah Sabak Bernam).

Bagi kawasan dengan permintaan tinggi seperti di Zon 1 dan 2, pembinaan Rumah Selangorku Jenis A (Rumah kos Rendah) wajib dibina pemaju sebanyak 20 peratus.

Kawasan dengan permintaan rumah di Zon 3 dengan hanya 10 peratus pembinaan diwajibkan (Jenis D).

"Rumah berharga RM42,000 adalah Rumah Selangorku Je-

nis A. Peratus jenis rumah yang wajib dibina pemaju bergantung kepada lokasi projek.

"Bagi kawasan dengan permintaan rendah, hanya 10 peratus diwajibkan. Bagaimanapun, di kawasan terdapat permintaan, pemaju wajib membina sehingga 20 peratus.

"Ia meliputi rumah jenis A seperti mana polisi lama,? Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Peneroka Bandar, Iskandar Samad baru-baru ini.

726 unit (baki dari 1,683 unit yang ditawarkan untuk jualan sebelum ini) melibatkan projek di

1. Bandar Baru Bangi, Cheras,
2. Taman Subang Mas,
3. Sutera Damansara,
4. Desa Alam U12,
5. Antara Gapi, Cyberjaya,
6. Taman Emas Dengkil,

Dalam perancangan 8,402 unit di

1. Bandar Bukit Raja,
2. Bandar Bukit Tinggi,
3. Bandar Parklands, Klang,
4. Cyberjaya, Sepang dan
5. Bandar Rimbau, Kuala Langat.



TINJAUAN ORANG RAMAI

Orang ramai bersetuju projek perumahan Selangorku dijalankan Kerajaan Negeri lebih baik berbanding Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) diusahakan Kerajaan Persekutuan. Ini berikutan harganya yang jauh lebih praktikal selain memberi peluang lebih untuk rakyat terutama golongan muda memiliki hartanah di negeri itu.

Dari segi kualiti dan harga, rumah Selangorku lebih bagus, rakyat dari kalangan berpendapatan rendah dan sederhana berpeluang memilikinya. Saya harap projek ini dibanyakkan lagi di kawasan berpotensi kerana masih ramai rakyat tidak punyai hartanah dan ia turut buka peluang golongan muda untuk membeli.

Haikal Zulhaq Hassan, 22,
Pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM)



Saya setuju jika Kerajaan Negeri membangunkan projek perumahan Selangorku dengan lebih banyak. Dari segi harga, ia murah dan mampu milik. Ia juga konsep baharu yang mana berbeza dengan rumah kos rendah dibangunkan sebelum ini yang agak kecil. Saya yakin ramai bergembira dengan projek ini terutama bagi mereka di kawasan luar dan pinggir bandar. Kerajaan Negeri menetapkan harga rumah Selangorku pada kadar tidak melebihi RM250,000 manakala Kerajaan Persekutuan menerusi PR1MA menawarkan harga dari RM100,000 hingga RM400,000.

Shahrirama Ahmad, 35,
Ahli Perniagaan

Konsep kedua-dua projek ini bagus namun perbezaan harga mungkin disebabkan faktor pembeli disasarkan berbeza. Selangorku boleh disifatkan sebagai 'baby project' bagi Kerajaan Negeri dan ia bagus kerana menyasarkan golongan pertengahan dan ke bawah sebagai pembeli. Kerajaan perlu melihat golongan muda sebagai kumpulan sasaran utama dan menyediakan banyak kemudahan supaya mereka memiliki hartanah pada usia muda.

Mohamad Al Wada Shahrin, 22,
Pegawai Fisioterapi



Perbezaan Rumah Selangorku & PR1MA

	Rumah Selangorku	Rumah PR1MA
Harga	RM42,000 hingga RM250,000	RM100,000 hingga RM400,000
Keluasan	700 hingga 1,000 kaki persegi Dibina tidak melebihi 1,000 kaki persegi (penuhi keperluan golongan berpendapatan rendah & sederhana)	670 hingga 1,300 kaki persegi
Had Usia	18 tahun ke atas	21 tahun ke atas
Pendapatan	Lebih mesra golongan berpendapatan rendah dan sederhana di bawah RM8,000	Untuk isi rumah berpendapatan menengah di bawah RM10,000
	Pemaju swasta diberi insentif pengurangan caj pembangunan	

Senarai pemaju projek Rumah Selangor

Nama Syarikat	Lokasi	Bilangan
Sime Darby Property (Klang) Sdn Bhd	Bandar Bukit Raja	2,403 unit
Gemilang Waras Sdn Bhd	Bandar Bukit Tinggi 2	695 unit
Gabungan Efektif Sdn Bhd	Bandar Parklands	1,041 unit
Bandar Rimbayu Sdn Bhd	Bandar Rimbayu, Tanjung Dua Belas, Kuala Langat	2,330 unit
Lakefront Residence Sdn Bhd	Cyberjaya, Sepang	1,932 unit

Senarai hitam jika gagal siap

SHAH ALAM - Kegagalan syarikat yang terbabit membina Rumah Selangorku dan Rumah Mampu Milik mengemukakan permohonan kebenaran merancang sebelum 1 Mei, akan disenarai hitam.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Samad, berkata pemaju yang mendapat kelulusan dari 2011 hingga 2014 perlu mengemukakan permohonan berkenaan.

"Kegagalan itu akan mengakibatkan syarikat dan lembaga pengarah terlibat disenarai hitam.

"Ini bermakna mereka tidak dibenarkan mengemukakan permohonan baru sehingga permohonan bagi projek Rumah Selangorku atau Rumah



Iskandar Abdul Samad

Mampu Milik dikemukakan," katanya.

Malah, beliau berkata, Kerajaan Selangor juga mempertimbang untuk mengeluarkan arahan berhenti kerja bagi projek mereka yang sedia ada.

SELANGOR SIDANG PENGARANG

KETUA PENGARANG: Fazallah Pit

PENGARANG BERITA: Hafizh Mokhtar & Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezli Mashut

PEMBANTU PENGARANG: Rusidah Salim

WARTAWAN: Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,

Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com, Lizawati Madfa: lizalyn84@gmail.com,

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim: nazliibrahim@gmail.com,

Norfarahidayu Baharudin: ayu_tvs@yahoo.com

JURUGAMBAR: Raheemie Ariffin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel: 03-5523 4856 Faks: 03-5523 5856 Emel: news Selangorkini@gmail.com

Cuaca panas dan kering

Elak pembakaran terbuka

OLEH NAEEM RAFFI

SHAH ALAM - Pasukan Bomba dan Penyelamat sentiasa dalam keadaan bersiap siaga berdepan sebarang kemungkinan kebakaran hutan ekoran cuaca panas dan kering.

Penguasa Kanan Bomba II, Ketua Zon Selangor Selatan, Azmi Sadon berkata operasi pemantauan harian di Hutan Simpan Kuala Langat mula digerakkan

"Kita juga menghantar satu

pasukan utiliti dengan 'water tanker' untuk membuat rondaan di kawasan panas bagi memastikan tiada tanda-tanda berlakunya kebakaran," katanya kepada Selangor Kini.

Azmi berkata kawasan tanah gambut berpotensi besar terbakar dalam keadaan cuaca kering dan panas melampau dan sukar dikesan kerana ia bermula di bawah tanah.

Justeru, pihaknya menasihatkan orang ramai memikul tanggungjawab dan segera

melaporkan sebarang kes pembakaran terbuka kepada Jabatan Bomba Dan Penyelamat.

"Hindar aktiviti pembakaran terbuka di musim panas kerana ia memburukkan lagi keadaan.

"Kerjasama semua pihak membantu menyelamatkan kawasan hutan sekaligus menghindar berlakunya pencemaran udara serius dan memburukkan lagi cuaca di musim panas," katanya.



Sumber: Skuad Pantas MDKL

Fenomena Ekuinoks dijangka minggu depan

SHAH ALAM - Fenomena Ekuinoks yang dijangka berlaku di negara ini mulai minggu depan tidak akan membawa kepada perubahan cuaca melampau.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Datuk Che Gayah Ismail, berkata situasi itu hanya menjerus kepada peningkatan suhu antara satu

atau dua darjah Celcius.

"Ini masih dikira normal dan tidak akan memberi kesan besar secara keseluruhan," katanya dipetik Bernama.

Menurutnya, ini adalah fenomena biasa kerana Ekuinoks berlaku dua kali dalam setahun iaitu pada Mac dan September ketika matahari berada tegak di atas garisan

Khatulistiwa, lokasi negara ini berada.

"Ekuinoks tidak beri kesan besar terhadap suhu kerana perubahan suhu banyak dipengaruhi faktor seperti pergerakan angin, hujan dan lain-lain lagi," katanya.

Suhu di Malaysia ketika ini ialah sekitar 33 hingga 35 darjah Celcius.

Hadkan aktiviti luar elak mudarat

SHAH ALAM - Masyarakat diseru mengambil langkah berjaga-jaga pada musim panas melampau yang menyebabkan tekanan fizikal tubuh badan dan boleh menyebabkan maut akibat serangan strok haba.

Exco Kesihatan, Dr Daroyah Alwi berkata kekurangan air dalam badan akibat musim panas adalah bahaya kerana perubahan kandungan garam galian dalam badan boleh menyebabkan strok haba.

"Masyarakat dinasihatkan untuk banyakan pengambilan air dan hadkan aktiviti luar yang terdedah terus kepada cuaca panas," katanya kepada Selangor Kini.

Dr Daroyah berkata semua orang berpotensi menjadi mangsa tetapi terdapat kumpulan yang lebih berisiko terkesan dengan perubahan iklim tersebut.

"Warga emas, kanak-kanak serta pesakit darah tinggi, kencing manis, buah pinggang juga antara kumpulan yang berisiko tinggi," katanya.

Dr Daroyah turut menggesa semua sekolah di Selangor mengambil cakna perubahan cuaca ini dengan menghad-



Masyarakat dinasihatkan untuk banyakan pengambilan air dan hadkan aktiviti luar yang terdedah terus kepada cuaca panas

DR DAROYAH ALWI
Exco Kesihatan

kan aktiviti pelajar di kawasan terdedah panas.

"Sekolah diharap lebih prihatin kepada pelajar, perhimpunan mingguan buatlah di kawasan yang berbumbung, jangan jemur mereka di bawah panas.

"Begitu juga bagi pendidikan jasmani, pilih sukan yang tidak terdedah kepada panas," katanya.

Virus denggi lebih aktif dalam cuaca panas

SHAH ALAM - Virus denggi lebih aktif dalam cuaca panas, malah boleh membiak, kata Exco Kesihatan, Dr Daroyah Alwi.

"Cuaca panas merangsang pembiakan nyamuk dan replikasi virus dalam nyamuk (denggi).

"Peranan masyarakat diperlukan, bersihkan kawasan berpotensi pembiakan jentik-jentik," katanya kepada SelangorKini.

Beliau mengulas fenomena

Ekuinoks yang bakal melanda negara minggu depan dan mengakibatkan perubahan cuaca yang lebih panas ekoran kedudukan matahari tepat di garisan khatulistiwa.

Fenomena itu kepada peningkatan suhu antara satu hingga dua darjah Celcius. Suhu ketika ini sekitar 33 hingga 35 darjah Celcius.

Justeru, Daroyah menasihati orang ramai supaya menjaga kediaman masing-masing dengan meningkatkan usaha musnah tempat pembiakan jentik-jentik.



Penstrukturan air Selangor selesai Mac

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Penstrukturan air Selangor selesai Mac ini, kata Exco Pemodenan Pertanian, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Selangor, Zaidy Abdul Talib.

"Pada masa sekarang ia di peringkat akhir, akan diselesaikan Mac nanti. Tarikhnya sudah ada," katanya kepada Selangor Kini.

Beliau yakin penstrukturan baru itu bakal memberi impak positif kepada pengurusan pembekalan air di negeri itu.

Kerajaan Selangor memulakan usaha mengambil alih pengurusan air di negeri itu daripada empat syarikat konsesi air.

Usaha itu walaupun pada peringkat awalnya melalui jalan sukar tetapi dipersetujui syarikat konsesi terlibat tahun lalu.

Perjanjian KIDEX patut didedah

SHAH ALAM - Kerajaan Pusat perlu memberi penjelasan mengenai kegagalan mereka mendedahkan perjanjian Lebuhraya Kinrara Damansara (Kidex) kepada umum.

Adun Bukit Gasing, R Rajiv berkata ia penting untuk pengetahuan rakyat berbanding meneruskan Kidex tanpa persetujuan Kerajaan Selangor.

"Adalah salah apabila pihak kementerian mengabaikan tiga syarat utama yang ditetapkan Kerajaan Negeri.

"Kerajaan Pusat melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) ada syaratnya, Kerajaan Negeri juga ada hak melindungi kepentingan rakyat," katanya pada kenyataan media 20 Februari lalu.

Sebelum ini, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata pihaknya me-

“

Pada masa sekarang ia di peringkat akhir, akan diselesaikan Mac nanti

ZAIDY ABDUL TALIB

Exco Kemudahan Awam

Kilang cemar Sungai Semenyih disita

SHAH ALAM - Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor menyita sebuah kilang yang terlibat dengan pencemaran air Sungai Semenyih baru-baru ini.

Exco Alam Sekitar, Elizabeth Wong, berkata tindakan diambil selepas JAS melakukan pemeriksaan ke atas kilang terbabit.

"Pencemaran di Sungai Semenyih minggu lepas disyaki disebabkan sebuah kilang mence- marnya dengan bacaan kandungan asidnya terlalu tinggi.

"Kilang itu ditutup dan disita. Semakan lanjut sedang dijalankan," katanya kepada Selangor Kini.

Terdahulu, pengeluaran air terawat di Loji Rawatan Air Sungai Semenyih dikurangkan 15 Februari lalu berikutan kemerosotan kualiti air mentah.

Ia disebabkan tahap keaksidan tinggi dengan kewujudan manganese dan ammonia melebihi had yang dibenarkan.

Ia mengakibatkan bekalan air di Petaling Jaya terjejas selama beberapa hari. Bagaimanapun ia pulih sepenuhnya 18 Februari lalu.



Elizabeth Wong



Impian Titanium

Pangsapuri @ Puchong

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

03-7984 8301
019-2232 680 / 018-248 6410



Pemaju: Titanium Heights Sdn. Bhd. (649608-X)

No.19-4, Jalan 10/116B, Kuchai Entrepreneurs' Park, Jln Kuchai Lama, 58200 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 03-7984 8301 / 019-2232 680 / 018-248 6410 Fax: 03-7984 8302

Lesen Pemaju: 11603-1/11-2016/1432 - Temoh Sah: 24/1/2011 - 23/1/2016 - Permit Pengiklanan & Jualan: 11603-1/07-2015/G2044/79 - Tempoh Sah: 28/09/2014 - 27/09/2015 - Badan Keluasan: Majlis Perbandaran Subang Jaya - No. Rujukan Pelesenan: MFS/JEDG/POWC/571 - Tarikh Slap: August 2015 - Tempoh Pelesenan Tanah: Leasehold 99 years/lease/ 21/11/2110 - Bebanan: United Overseas Bank (M) Bhd. - Bilangan Unit: 23 - Harga Jualan: RM475,000(Mini) - RM490,000(Maki) - Bilangan Unit: 10 - Harga Jualan: RM1120,000 - Diskaun Bumiputera: 7% - Sekatan-sekatan kepentingan: Tanah yang diberi milik ini siap boleh dipindah milik, dipajak atau digadaikan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

Datum Jelatek: Cerita lama jadi ungkitan



Sebelum projek itu dihebah kepada umum, adakah PKNS menjalankan kajian impak dari segi kesan ekonomi dan lain-lain. Jika ada, adakah kesimpulan kajian itu?

PKNS menjalankan kajian bagi projek Datum Jelatek. Kelulusan Kebenaran Merancang (KM) diperoleh dari Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) pada 11 November 2011. Dalam keputusan KM mengandungi kelulusan Impak ke atas Ekonomi setempat, Kesan Sosial dan Kesan Penilaian Trafik (TIA) kepada kawasan sekitar.

Kesimpulannya, projek itu bukan sahaja tidak mengakibatkan kesan negatif, malah meninggikan lagi nilai hartanah dan ekonomi setempat, seterusnya meningkatkan gaya hidup sosial Melayu bandar dengan kadar kesesakan trafik yang terkawal kerana adanya transit yang diintegrasikan secara terus dengan projek berkenaan.

PKNS didakwa membuat notis mengelirukan penduduk hingga mengangap lot kedai mampu milik tidak menggambarkan projek sebenar. Komen?

PKNS mengambil semula Pusat Bandar Keramat untuk dibangunkan sebagai ka-

Isu Datum Jelatek banyak diperdebat kebelakangan ini berikutan ada beberapa perkara dibangkitkan Badan Bertindak Datum Jelatek (BBDJ) walaupun banyak penjelasan diberi. Wartawan Selangor Kini, **NAZLI IBRAHIM** menemu bual Pemangku Pengurus Besar PKNS merangkap Pengerusi Datumcorp International, Azlan Md Alifiah. Turut sama ialah Ketua Perancang Projek Datum Corporation International, Ahmad Zaidee Leham.

wasan pembangunan yang ada nilai ekonomi tinggi.

PKNS membayar pampasan RM250,000 hingga RM350,000 untuk unit rumah terlibat. Bagi unit rumah kedai, pampasan dibayar RM450,000 hingga RM500,000 mengikut keluasan unit.

Jadi tidak wujud perkara serah balik pemilikan hartanah kerana semua penduduk yang terlibat setuju mengambil pampasan kecuali sebahagian kecil. Hal itu sudah diselesaikan oleh mahkamah.

PKNS ada sediakan lot kedai mampu milik seluas 40,000 kaki persegi atau 200 unit ruang niaga mampu milik yang diberi keutamaan kepada anak-anak di Taman Keramat untuk memilikinya.

Berkenaan 200 unit ruang niaga mampu milik, adakah ia sudah dimiliki atau masih terbuka untuk dibeli?

Masih terbuka. Kita belum buat jualan. Cuma, kita menerima pendaftaran bakal pembeli. Data menunjukkan 1,097 bakal pembeli Bumiputera yang berminat

membeli rumah atau unit kedai. Kita mengalu-alukan mereka.

Benarkah wujud satu papan tanda bertulis Cina dinaikkan pada awal 2013, berbeza kandungannya dengan notis awal hingga menyebabkan ramai tertanya-tanya motif projek berkenaan?

Ia isu lama. Ketika itu, PKNS melantik Wiramas Sdn Bhd untuk kerja pemasaran. Selepas itu, semua urusan diambil alih sepenuhnya oleh Datumcorp International Sdn Bhd (DCI) iaitu anak syarikat milik penuh PKNS, semua perjanjian bersama Wiramas, dibatal. Ini kerana mereka melanggar terma dan syarat kontrak.

Cerita lama itu tidak relevan. Saya ulangi, Datumcorp, anak syarikat 100 peratus milik PKNS adalah pemaju yang akan memastikan segala pembelian dan penjualan unit dilakukan oleh Datumcorp International, bukan Wiramas.

BBDJ mendakwa projek itu sebahagian

“

PKNS membayar pampasan RM250,000 hingga RM350,000 untuk unit rumah terlibat. Bagi unit rumah kedai, pampasan dibayar RM450,000 hingga RM500,000 mengikut keluasan unit. Jadi tidak wujud perkara serah balik pemilikan hartanah kerana semua penduduk yang terlibat setuju mengambil pampasan kecuali sebahagian kecil

AZLAN MD ALIFIAH
Pengerusi Datumcorp International



program 'Malaysia Rumah Kedua' berkonsep 'Chinese Mainstream Districts' untuk pelabur asing dari China mahupun Singapura. Benarkah?

Tidak benar sama sekali. Tiada satu unit pun yang terjual kepada warganegara asing. Malah, projek Datum Jelatek mendapat sambutan luar biasa khususnya dari Bumiputera. Seramai 1,097 Bumiputera mendaftar dan 20 peratus penduduk Keramat sendiri.

Jadi, konsep Chinese Mainstream District itu ada kaitan dengan Wiramas?

Saya rasa perkara itu dikaitkan kerana ia mungkin strategi pemasaran Wiramas. Isu itu sudah tamat. Kita sudah tamatkan kontraknya.

Mengikut BBDJ, harga unit sangat tinggi dan tidak mampu dimiliki kebanyakan penduduk asal Taman Datuk Keramat. Komen?

Memanglah projek 'high rise' kediaman tinggi. Harganya antara RM500,000 hingga RM2 juta tetapi kita tawarkan pada harga RM1,000 setiap kaki persegi berbanding harga pasaran - RM1,400 atau RM1,500 sekaki persegi. Ia berpatutan untuk satu kediaman tinggi.

Pembangunan itu bakal memberi pulangan kepada PKNS untuk digunakan bagi membina rumah mampu milik. Kita anggar, daripada keuntungan itu, antara 3,000 hingga 5,000 unit rumah mampu milik dapat dibina.

PKNS tidak ada geran membina rumah mampu milik. PKNS menanggung kerugian kerana memberi subsidi membina rumah mampu milik. PKNS cuma dapat melaksanakannya apabila ada keuntungan dari projek lain.

Kita harapkan keuntungan untuk menampung kos subsidi rumah mampu milik melalui projek Datum Jelatek. Kita melaksanakan projek rumah kos tinggi di sini manakala rumah mampu milik dapat dibina di tempat lain.

BBDJ mendakwa menjemput PKNS ke majlis penerangan bersama penduduk tetapi ditolak atas alasan pertemuan sudah diadakan di Masjid Al-Ansar tetapi mendakwa tidak pernah berlaku. Komen?

Program penjelasan kepada penduduk pada 31 Mac 2013 dibuat di Dataran Masjid Al-Ansar memang ada. Ia dinamakan 'Sep-

“

Tidak benar sama sekali. Tiada satu unit pun yang terjual kepada warganegara asing. Malah, projek Datum Jelatek mendapat sambutan luar biasa khususnya dari Bumiputera. Seramai 1,097 Bumiputera mendaftar dan 20 peratus daripadanya penduduk Keramat sendiri.

etang Bersama Pemimpin' anjuran JKP Zon 7, Taman Keramat dan disampaikan sendiri Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali serta dihadiri pegawai PKNS dan penduduk setempat. Kita ada bukti.

(Ahmad Zaidee mencelah menyatakan PKNS ada beberapa gambar termasuk Mohamed Azmin berucap depan hampir 400 penduduk)

Jadi, pertemuan itu ada tetapi BBDJ menafikan. Komen?

Mungkin BBDJ tidak hadir pada hari berkenaan. Program ada. Kita juga buat program pada November tahun lalu dan banyak lagi secara berkala. Malah kita juga jemput penduduk ke pejabat. Lebih 100 penduduk datang dan kita tunjukkan 'mock-up' projek. Mereka menerima dan ramai antara mereka atau anak, mendaftar sebagai pembeli.

BBDJ mahu menggunakan Akta Kebebasan Maklumat Negeri Selangor bagi mendapatkan maklumat projek itu. Komen?

Itu hak mereka mengikut Akta Kebebasan Maklumat Negeri Selangor. PKNS tiada apa-apa yang mahu disembunyikan di sebalik projek Datum Jelatek. Semuanya jelas dan telus.

BBDJ juga mahu memohon pendengaran awam Selcat daripada Speaker Dewan Negeri Selangor (DNS), malah mahu melaporkannya kepada SPRM? Komen?

Kita tidak menghalang mana-mana pihak memohon pendengaran awam. Itu terletak kepada DNS. Kalau hendak laporkan kepada SPRM, kita juga tiada halangan. Terpulang kepada BBDJ.

Sangka jual kepada pelabur asing punca bantahan

HULU KLANG - Kebimbangan betapa projek Datum Jelatek menjadi 'Chinese Mainstream Districts' atau hartanah setempat dijual kepada pelabur asing, antara punca bantahan sebahagian penduduk.

Pengerusi Badan Bertindak Datum Jelatek (BBDJ), Salleh Samad mencurigai pembangunan projek itu bakal dimiliki warga China, Singapura dan Indonesia sebagai rumah kedua mereka.

Pada 2013, beliau menyifatkan ada yang tidak kena apabila melihat model pembangunan berbeza dengan gambaran yang diberi kepada mereka.

"Ketika itu, saya temui ri-



Salleh Samad

salah tulisan Cina yang menyatakan tema 'Chinese Mainstream District' dengan konsep gaya hidup mewah.

"Satu papan tanda tulisan Cina naik, kemudian di show room, ada kain rentang merah

dan model empat bangunan mewah. Saya pelik. Ini projek apa?" katanya kepada Selangor Kini.

Salleh juga tidak dapat yakin harga bagi sebuah unit rumah serendah RM700,000 mampu dimiliki golongan Bumiputera.

Beliau bercadang menggunakan Akta Kebebasan Maklumat untuk memperoleh maklumat lanjut dan menuntut Speaker Dewan Negeri Selangor (DNS) mengadakan pendengaran awam.

"Pada masa sama, saya juga akan laporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)," katanya.

NILAI PAMPASAN KEPADA PEMILIK ASAL MENGIKUT KATEGORI

JENIS UNIT	KELUASAN	JUMLAH PAMPASAN
Rumah pangsa dua bilik	550 kaki persegi	RM250,000
Rumah pangsa tiga bilik	705 kaki persegi	RM300,000
Kedai	550 kaki persegi	RM450,000
Kedai	705 kaki persegi	RM550,000

* Penilai profesional anggar pampasan untuk rumah ialah RM100,000 dan kedai RM130,000.

* Mahkamah memutuskan nilai pampasan hanya RM120,000

Mahkamah bukti pampasan Datum Corp lebih tinggi

SHAH ALAM - Keputusan mahkamah membuktikan pampasan yang dibayar Datum Corporation International untuk pembangunan projek Datum Jelatek, lebih tinggi berbanding sepatutnya.

Pengurus Besar PKNS, Azlan Md Alifiah, berkata ia berikutan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur November 2013 lalu terhadap 14 daripada 192 penduduk

Katanya, mereka tidak berpuas hati dengan nilai pampasan yang ditawarkan Datum Corp, sebuah anak syarikat PKNS, hanya menerima RM120,000 berbanding tawaran antara RM250,000 hingga RM300,000.

"Kita labur kira-kira RM130

“ **Apabila mereka membawa Datum Corp atau PKNS ke mahkamah, keputusannya mereka cuma dapat pampasan RM120,000. Ini lebih rendah daripada tawaran kita**

AZLAN MD ALIFIAH
Pengurus Besar PKNS

juta hingga RM150 juta. Dari segi pampasan, kita bayar RM25 juta. Semua dapat pampasan termasuk mereka yang

bawa Datum Corp ke mahkamah.

"Penilai profesional menilai RM100,000 untuk rumah dan kedai (RM130,000). Tetapi kita bayar RM250,000 hingga RM300,000 bagi rumah dan lot kedai RM450,000 hingga RM500,000.

"Apabila mereka membawa Datum Corp atau PKNS ke mahkamah, keputusannya mereka cuma dapat pampasan RM120,000. Ini lebih rendah daripada tawaran kita," katanya kepada Selangor Kini.

Azlan yang juga Pengerusi Datum Corporation International berkata, pampasan ditetapkan berdasarkan keluasan dan jenis unit masing-masing.

OLEH RIDHWAN SAIDI

Resmi kuli aku tak boleh balik selagi bos aku tak balik. Aku tak tanya dia bila boleh balik tapi aku bertindak bijak dengan tanya lukisan apa yang baru aku gantung. Ia abstrak kemerahan seperti api.

Aku tak faham seni sangat tapi bila aku tatap lukisan terakhir yang aku gantung itu, aku jadi panas. Aku rasa mahu pulang lekas sebab bini aku dah bersiap untuk keluar beli barang dapur kat Mydin.

Aku janji dengan bini aku jam 6 petang. Aku patutnya balik pukul 5 tapi sekarang dah pukul 8. Sebelas miss call dari rumah aku tak angkat. Bini aku patut faham yang aku tengah cari rezeki untuk anak-anak.

"You mana faham seni, Man. Ini dunia orang-orang berada, orang-orang kaya," kata bos.

Aku akur dan diam. Di tepi lukisan itu bos tampal kertas kecil dengan tulisan: Depth of the Dark Red Sea (1963) oleh Ilham Sani.

"Apa pendapat you tentang lukisan ni?"

Aku dongak dan lihat catan besar gedabak itu, bahang biasan merah jatuh pada wajah kami.

"Come on, cuba. I nak tahu pendapat orang miskin macam you."

"Saya rasa ia macam api, bos."

"Api? Eh, you ni stupid ke apa? Kan kat tajuk tulis laut. You ni biar betul? I mabuk ke masa I ambil you kerja?"

"Bos tak salah, bos. Yang salah saya."


"I tahu, itu you tak perlu beritahu. Masalahnya sekarang ni, lukisan ni bukan api, tapi laut. Eh, Man, you tolong jangan malukan I boleh tak? Kat mana I nak letak muka I kalau kawan-kawan kerabat I semua tahu yang I ada kuli bodoh macam you?"

Aku tunduk, terima caci maki dari bos. Aku bukan apa, sebab dah selalu kena, jadi aku tak kisah. Walau apa pun kita kena sedar siapa diri kita. Kita cuma kuli saja. Takkan kita nak berontak lawan bos? Siapa nak beri gaji pada kita tiap hujung bulan? Nak bayar hutang bank ansur-ansur? Siapa?

Bos juga yang membantu kita di kala kita di dalam kesusahan. Sabar separuh dari iman dan di dalam situasi-situasi beginilah kita diuji.

"Macam ni lah, I tak nak tengok muka you, jadi you boleh balik. Besok datang awal macam biasa."

GOOD BOY



"Baik bos."

Aku balik naik motor kapcai aku dan terus pulang ke rumah. Sampai-sampai bini aku dah terlelap dekat kerusi rotan tunggu aku. Dia pakai baju kurung dan tudung yang aku beli kat Mydin, raya dua tahun lepas.

Aku buka tali pinggang dan ikat kedua tangan bini aku ke rangka kerusi rotan. Dia mulai sedar semasa aku tengah selak kain dan tanggalkan seluar dalamnya.

"Apa ni bang? Hari ni tak boleh bang," dia kata.

Aku tengah rogol bini aku semasa kedua anak kami menangis melihat perlakuan aku. Aku suruh mereka masuk bilik dan kedua mereka berusia 5 dan 3 tahun tak makan dek ajar. Jadi aku tampar pipi-pipi mereka hingga merah—merah macam laut, bukan macam

api—, dan selepas itu baru mereka masuk bilik. Kadang-kadang kita tak boleh manjakan sangat anak-anak.

Malam itu kerusi rotan kami lencun dibasahi mani dan haid.

Besok pagi aku ke galeri awal pagi seperti biasa. Aku patut datang pukul 8 tapi pukul 7 pagi aku dah sampai. Aku tunggu depan pintu persis anjing yang setia hingga bos aku sampai untuk buka pintu. Aku tiada kunci, dan jangan ada salah faham di sini, tak, bukan kerana bos tak percayakan aku.

Tapi sebab kesetiaan aku masih belum cukup buat bos. Bos tahu bila masanya tiba, dia akan serahkan kunci galeri kepada aku. Dan pagi itu, semasa bos tiba, bos tak buka pintu seperti biasa. Bos minta aku tadah tangan dan aku buat, lalu dia letak segugus kunci.

"You tahu kan yang mana kunci pintu masuk?"

Aku angguk dan senyum. Mood bos baik hari ni, woo hoo!

"You tunggu apa lagi Man, bukalah pintu."

Aku meluru ke pintu, pulas kunci dan tombol, lalu pintu itu dibuka. Aku beri laluan kepada bos untuk masuk dulu. Ya lah, tak kan kita nak masuk dulu pula?

Aku meluru ke pintu, pulas kunci dan tombol, lalu pintu itu dibuka. Aku beri laluan kepada bos untuk masuk dulu. Ya lah, tak kan kita nak masuk dulu pula? Bos pun masuk tapi sebelum bos masuk, bos lakukan sesuatu yang tak akan aku lupakan sampai bila-bila.

Bos tepuk atas kepala aku dengan manja, bermain dengan rambut aku dan kata, "Good boy."

OLEH MUHAMMAD ARIF
BAZLI

Penulis ghairah membangunkan kata-kata dari kamar hidup mereka. Segelintirnya mengumpulkan status-status kecil di media sosial, kemudian dianggap sebagai naluri kata.

Menyegerakan proses penerbitan buku. Cepat dan meletup. Mencipta ruang fenomena baru.

Penulisan sebegini umpama memasang bom jangka pada khazanah penulisan tanah air - menjadikan penikmatnya cepat mati pucuk.

Mereka membunuh keindahan dunia seorang penulis. Bukan sahaja melacur bahasa tetapi mengadai maruah kualiti kata yang wajar diletak pada tempat bernama karya.

Penulis sebegini patut dihantar ke neraka lebih awal. Karya mereka membunuh ribuan pembaca malang yang masih wujud di muka bumi ini.

Seperti yang berlaku kepada seorang pembaca malang bernama Xu Lzhi kelahiran Guandong China.

Kematiannya diratapi golongan buruh kerana semangat beliau melawan sistem kapitalis. Kekecewaan memuncak terhadap kegagalan hidup untuk mendapatkan pekerjaan berkaitan dengan biblioholisme.

Akhirnya, beliau memilih bekerja sebagai buruh di sebuah kilang hingga tamat riwayatnya apabila membunuh diri pada 30 September 2014 dalam usia muda - 24 tahun.

Sikap masyarakat yang tidak memahami diri dan kerjaya seterusnya bekerja berdasarkan kekuatan kabel seperti yang berlaku akhir-akhir ini.

Wartawan yang tidak kenal betina menulis tentang kejijikan pelacur. Guru yang tidak kenal anak muridnya, menulis tentang kebobrokan sistem pendidikan.

Xu Lzhi menulis sajak untuk merakam sepak terajang kehidupan sebagai seorang

Teater muzikal di Muzium Alam Shah

SEBUAH teater yang mengangkat riwayat hidup tokoh negarawan, Datuk Onn Jaafar bakal dipentaskan di Auditorium Daeng Celak, Muzium Sultan Alam Shah di sini.

Pementasan berlangsung tiga hari mulai **27 Februari (8.30-10.30 malam, 28 Feb (3.30-5.30 petang dan 8.30-10.30 malam) dan 1 Mac 3.30-5.30 petang dan 8.30-10.30 malam)**

Hubungi penganjur, Art and Film for Youth Community melalui **017-6084067** untuk tempahan tiket berharga **RM30**.

Penulis munafik dan pembaca malang

insan malang yang menghuni dunia kapitalis.

Sajak terkenalnya bertajuk Bilik Sewa.

*ruang sepuluh meter persegi sempit dan lembap, tiada cahaya matahari sepanjang tahun di sini aku makan, tidur, najis, dan berfikir
batuk, mendapat sakit kepala, bertambah tua, jatuh sakit tetapi masih gagal untuk mati di bawah cahaya kuning yang membosankan lagi. Aku merenung tanpa sedikit perasaan, ketawa kecil seperti orang bodoh
aku langkah kau ke belakang dan sebagainya, menyanyi lembut, membaca, menulis puisi setiap kali aku membuka tingkap atau pintu rotan yang aku rasa seolah-olah seperti orang mati
perlahan-lahan menolak terbuka pembuka keranda.*

Akhirnya, semua manusia berlumba-lumba menyelongkar kebenaran dan penulis sibuk membersihkan saki-baki kekotoran yang melekat dalam wilayah kata mereka.

Konflik dalam diri adalah proses melambatkan ketergesaan perjalanan hidup. Kadangkala indah dan sering kali juga menyakitkan.

Xu Lzhi menulis puisi bertajuk Konflik sebagai perakam citrawarna kehidupan dalam pergolakan konflik masyarakat yang memuncak.

*Mereka semua mengatakan aku seorang kanak-kanak yang kurang bercakap
aku sama sekali tidak menafikan tetapi sebenarnya sama ada aku bercakap atau tidak dengan masyarakat ini aku akan masih konflik*

Tanpa konflik yang mewarnai hidup, apalah erti sebuah karya penulisan. Melainkan penulisan cari makan untuk ruan-ruang setiap Ahad atau paling kurang sebulan sekali.

Penulis yang bertukang memperteguh idea untuk memaut beribu destinasi zaman, pasti dikenang walaupun masyarakat

tidak menganggap karyanya mengikut kelangsungan zaman.

Selepas puluhan tahun, generasi seterusnya akan menyelongkar kembali karyanya.

Seperti kebanyakan kelompok penulis negara ini yang diwakili golongan kelas menengah. Mereka sekadar tahu jerih payah masyarakat bawahan tetapi sebenarnya tidak memahaminya.

Sekadar menangkap emosi ketika sibuk menulis. Menutup kisah Xu Zhi dan sajaknya yang bertajuk Aku Hanya Tertidur:

Hanya Berdiri seperti itu.

*kertas, sebelum mata aku pudar kuning dengan pen keluli aku pahat di atasnya hitam tidak sekata penuh dengan kata-kata kerja bengkel, barisan pemasangan, mesin, kad kerja, gaji kerja lebih masa mereka telah melatih aku untuk menjadi jinak
tidak tahu bagaimana untuk menjerit atau pemberontak bagaimana untuk membuat aduan atau menolak
hanya bagaimana untuk senyap mengalami keletihan apabila aku mula-mula menjejakkan kaki di tempat ini
aku berharap hanya untuk slip gaji kelabu pada hari kesepuluh setiap bulan untuk memberi aku ketenangan yang lanjut
untuk ini aku terpaksa mengisar dari sudut aku, mengisar lagi kata-kata aku enggan ponteng kerja, menolak cuti sakit, tidak memberikan kebenaran atas sebab peribadi
enggan terlambat, enggan pulang awal aku bekerja berdiri lurus seperti besi, tangan seperti beterbangan, berapa hari, berapa banyak malam adakah aku - begitu sahaja - jatuh berdiri tertidur?*

Yang sebenar-benar penulis pasti dikunjungi pelbagai golongan masyarakat dan dijadikan syurga kehidupan untuk membangunkan taman idea yang banyak belum diselongkar.

Nilai karya terletak pada kualiti yang dapat merai kemanusiaan yang masih terdapat kehausan makna dari kejernihan kata yang pada hari ini masih keruh dengan keladak kemunafikan yang belum reda sama sekali.



KORBAN

(dedikasi buat penduduk Kampung Chubadak)

*Tatkala langit nyaman dan awan menghampar senyuman, ada amarah sedang kedengaran.
Riuhnya mengisi suasana kampung di tengah kota.*

*Jentolak bekerja, manusia mengganas.
Pintu-pintu rumah tak lagi diketuk kemas. Malah menolak rakus, menggores dan membekas.*

Apa ada pada teriakan si ibu yang tragis? Kalau petinggi negara cuma senyum melirih sinis? Kalau yang untung pada oportunist? Dan tetap golongan mereka mangsa sang kapitalis.

*Berpakaian seragam itu orang-orang birokrasi tak ubah seperti binatang.
Menggigil meratap nasib dalam malam itu adalah mereka korban singa-singa industri.*

Ida Syamila

WAKTU SOLAT SELANGOR							
27 FEBRUARI - 6 MAC 2015							
8 - 15 JAMADILAWAL 1436H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
27 Jumaat	5:59	6:09	7:26	1:29	4:45	7:29	8:38
28 Sabtu	5:59	6:09	7:25	1:29	4:44	7:29	8:38
01 Ahad	5:59	6:09	7:25	1:28	4:44	7:29	8:38
02 Isnin	5:58	6:08	7:25	1:28	4:43	7:29	8:38
03 Selasa	5:58	6:08	7:24	1:28	4:42	7:29	8:38
04 Rabu	5:58	6:08	7:24	1:28	4:42	7:28	8:38
05 Khamis	5:58	6:08	7:24	1:28	4:41	7:28	8:37
06 Jumaat	5:57	6:07	7:24	1:27	4:41	7:28	8:37
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
27 Jumaat	6:01	6:11	7:28	1:31	4:47	7:31	8:40
28 Sabtu	6:01	6:11	7:28	1:31	4:46	7:31	8:40
01 Ahad	6:01	6:11	7:27	1:30	4:46	7:31	8:40
02 Isnin	6:00	6:10	7:27	1:30	4:45	7:31	8:40
03 Selasa	6:00	6:10	7:26	1:30	4:44	7:31	8:40
04 Rabu	6:00	6:10	7:26	1:30	4:44	7:30	8:40
05 Khamis	6:00	6:10	7:26	1:30	4:43	7:30	8:39
06 Jumaat	5:59	6:09	7:26	1:29	4:43	7:30	8:39

139 penghuni dapat pinjaman 100%



OLEH AFEEQA AFEERA

SELYANG - Seramai 139 penghuni asal Taman Selayang Mutiara (Bukit Botak), dekat sini, dibantu membuat permohonan pinjaman bank bagi menyelesaikan pembelian rumah yang tertangguh hampir lima tahun.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib berkata, bantuan itu dikhususkan kepada penghuni yang tidak berkemampuan untuk membuat pinjaman bank disebabkan faktor usia selain berpendapatan rendah.

Katanya, bantuan itu dipersetujui berdasarkan hasil perbincangan Kerajaan Negeri, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Maybank.

"Tawaran ini istimewa kerana PKNS bertindak menjadi penjamin atas pinja-

man yang dibuat. Namun, kita minta sangat penduduk membayar ansuran seperti yang dipersetujui dalam perjanjian.

"Kalau tak mampu bayar, PKNS akan ambil semula dan selesaikan hutang dengan pihak bank," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Kesukuran dan Penyerahan Dokumen Tawaran Pinjaman Perumahan Taman Selayang Mutiara, di sini.

Zaidy yang juga Adun Taman Templer berkata, proses permohonan pinjaman itu akan dilaksanakan secara berperingkat di Maybank Seksyen 14, Shah Alam, pada 17 dan 18 Mac ini.

Katanya, program itu juga terbuka kepada penghuni yang sudah mendapat tawaran perumahan di Taman Selayang Mutiara, namun berdepan masalah tamat tempoh sah laku pembelian.



PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada **Kontraktor-kontraktor Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/ CIDB)** dalam **Gred Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH TENDER DITUTUP
<p>Tajuk Projek CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN 104 UNIT RUMAH LINK 2 TINGKAT DI PLOT 2, JALAN KEMAJUAN, KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN.</p> <p>No. Kontrak PKNS/KS/KON-1/2015</p>	<p>CIDB : Gred G7 Kategori B Pengkhususan B04, Kategori C Pengkhususan CE21</p>	<p>Bahagian Perolehan Tingkat 7, Menara HPAIC SEKSYEN 13 SHAH ALAM</p> <p>Pada : 26 Februari 2015 Hingga 12 Mac 2015</p>	<p>19 Mac 2015</p> <p>Jam 12.00 Tengahari</p>

- Bayaran **Dokumen Tawaran** adalah **RM1,200.00** dan hendaklah dibuat dalam bentuk Draf Bank atau Kiriman Wang di atas nama **PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR** (bayaran ini tidak akan dikembalikan).
- Naskah Dokumen Meja Tawaran boleh disemak di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada waktu pejabat bermula **26 Februari 2015**
- Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada Kontraktor atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak Kontraktor ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa. Kontraktor dikehendaki membawa **SURAT PERWAKILAN KUASA, DOKUMEN ASAL SERTA SALINAN PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN DARI LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB), SIJIL PENGIKTIRAFAN TARAF BUMIPUTERA SERTA SURAT PENDAFTARAN GST DENGAN JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA** dan satu salinan bagi setiap Sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.
- Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap di isi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:-

BAHAGIAN PEROLEHAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
TINGKAT 7 MENARA HPAIC, LAMAN SERI BUSINESS PARK,
NO.7, PERSIARAN SUKAN SEKSYEN 13,
40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
No. Tel : 03-55201234
<http://etender.pkns.gov.my>

- Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan di layan. Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling Tinggi atau sebarang tawaran lain.



SYABAS... Azzah Abdul Rahim dan Muhammad Aliff Mahfuz Zulkarami dari Sekolah Sri As-Syakirin bersama anugerah yang diterima selepas diumumkan sebagai pelajar cemerlang Ujian Penilaian Kelas Kafa (UPKK) peringkat Selangor 2014. Lebih 17,000 calon UPKK di tahun lima sekolah Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) mencatatkan kelulusan penuh dalam lapan mata pelajaran

KOLEKSI HARTANAH PKNS 2015

di **SACC MALL, SHAH ALAM**



Jangan lepaskan peluang ini untuk memiliki kediaman impian anda dari KOLEKSI HARTANAH PKNS 2015 yang penuh dengan pelbagai pilihan yang memenuhi citarasa anda. Insentif & hadiah menarik menanti anda!

Kunjungi kami dari 27 Feb - 8 Mac 2015 • 10 pagi - 8 malam



CITRINA 3, BERNAM JAYA



AQUAVILLA, SHAH ALAM



ANGGUN, ALAM NUSANTARA



CASSIA, ANTARA GAPI



GAPI AVENUE 3, ANTARA GAPI



ZURAH I-PARK, RASAH

Dapatkan insentif & hadiah menarik



OPAL RESIDENSI • SHAH ALAM
(Sedang dalam pembinaan)



VEGA RESIDENSI 2 & KEDAI PEJABAT
SSP 2, CYBERJAYA



*Terdapat insentif serta hadiah menarik

013 393 8183 | **019 367 8965** | **018 205 1713**
019 303 4342 | **012 236 1154** | **019 213 9991**

50 Tahun Membina Komuniti, Memperkasa Kehidupan, Menrealisasi Impian



www.pkns-property.com

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Bahagian Jualan Hartanah Wilayah Tengah dan Utara, Tingkat 2, Kompleks PKNS Shah Alam, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. CITRINA 3 140 Loten Permaju: 9062-8401-2015/9111, Tempoh Sah: 25/01/2014-24/01/2016, No Pembi Perumahan: 9062-8401-2015/9111, Tempoh Sah: 25/01/2014-24/01/2016. Pihak Berkuasa Mula-mula Pelan Pembangunan: Majlis Daerah Hulu Selangor, No. Kelulusan Pelan Pembangunan: (K) Dhu.MJU.431/12/11/003-B bertarikh 18/6/11. Babon Tanah: Tidak. Status Hak Milik: Pajakan 99 Tahun Teratas Pada 24 April 2107. Tarikh Diangkat Sias: Disember 2013. Bilangan Unit: 78. Harga Minima: RM266,842. Maksima RM: 555,263. Sekatan Kapentingan: Tanah Yang Dibeli Milik Ini Tidak Boleh Dipindah Milik, Dipajak Atau Di Gadai Dengan Kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. VEGA RESIDENSI 1, No. Lesen Perumahan: 9062-711/10-2015/1386, Tempoh Sah: 6/10/2011-5/10/2016, No. Pembi Perumahan: 9062-7002-2015/01369 (P) Tempoh Sah: 27/02/2014-26/02/2015. Pihak Berkuasa: Majlis Perbandaran Depang. No. Rajuan Pelan Pembangunan: M.P.P/034/01/02/10. Debitan Tanah: Pajakan 99 tahun dari 31/01/2003-30/01/2012. Terikh Jangka Saiz: Disember 2014. Saiz Unit: 126. Harga Minima: RM252,555.00. Harga Maksima: RM505,055.00. Sekatan-Sekatan Kapentingan: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau dipajak tanpa mendapat kebenaran dari pihak berkuasa negeri. Semua gambar dan lukisan adalah gambaran pelukis semata-mata. Sebarang maklumat yang terkandung di sini bukanlah kepada jaminan atau perakuan rasmi yang dibuatkan oleh pihak berkuasa berkenaan. Peminjay tidak boleh bergantung kepada lukisan terdapat sebarang maklumat yang tidak tepat.

Hari-hari 'telan' pasta, tuna

Hari pertama kayuhan dari London ke Paris agak meletihkan.

Terpaksa bawa barangan seberat lebih 40 kilogram. Saya dan rakan dari Kelab Sick Siders Malaysia, Hafidz Abdul Hamid hanya mampu berbasikal sejauh 60 kilometer.

Selain beg berat, terpaksa membiasakan diri tidur dalam khemah - sesuatu yang asing bagi saya. Terpaksa mendirikan khemah dan memasak.

Perkemahan kali pertama agak unik. Terjumpa ladang anggur yang cantik dengan bayaran lima pound. Bayangkan, kami berkhemah dikelilingi anggur, juga lembu dan kambing. Pemandangan mengagumkan.

Menu kami setiap hari hanya pasta yang dimasak dengan tuna. Itulah yang kami 'hadap' siang malam sepanjang perjalanan merentasi pedalaman

Siri ekspedisi kayuhan UK-Malaysia seperti diceritakan Badrul Hisham Baharuddin kepada wartawan Selangor-Kini, **NAZLI IBRAHIM**

SIRI 2



di Eropah.

Jika di bandar, mudah temui makanan halal seperti kebab, kentang goreng, daging tetapi

di pedalaman, agak sukar. Kami kena masak sendiri.

Kalau di bandar kecil, saya ke Carefour untuk membeli maka-

nan segera dalam cawan yang dipanggil kus-kus seperti nasi kecil berlauk sayuran.

Makanan antara cabaran besar kerana kami memerlukan 4,000 kalori berbanding orang biasa, 2,000. Pasta dan tuna murah dan mudah didapati serta membekal tenaga.

Pada hari kedua, kami memasuki Perancis sejauh 40 kilometer yang dipisahkan Selat Ingeris. Bermakna kami perlu berbasikal dari untuk mengambil feri merentasi selat itu.

Kami tiba pada malam kedua. Agak kekok kerana negara itu amalkan sistem pemanduan kiri. Beberapa kali tersalah lorong. Mujur tiada sebarang kejadian buruk.

Kemudian, terjumpa taman lalu berkhemah dan tidur. Pada paginya, sebelum matahari naik, kami segera beredar bagi mengelakkan masalah dengan pihak berkuasa.

Sebenarnya, penduduk Perancis sangat 'friendly'. Bila berjumpa pelancong terutama yang berbasikal, mereka menyapa: "Bonjour" yang bermakna hai. Ada mengajak minum kopi dan berbual-bual.

Mereka bertanya hala arah dan terkejut apabila kami menjawab: 'Malaysia'. Mereka makin terperanjat mengetahui perjalanan kami memakan masa enam bulan.

Tapi, hampir semua penduduk pedalaman tidak mengetahui kewujudan Malay-

sia. Cuma tahu Singapura dan Thailand. Jadi, saya beritahu Malaysia terletak antara kedua-dua negara itu.

Kami tiba di Paris pada hari kelapan dan disambut pihak kedutaan di Paris yang memberi layanan baik. Makanan, tempat tinggal dan sokongan moral.

Paling mengujakan, kami ditempatkan di bilik hotel lima bintang betul-betul berhadapan Eiffel Tower. Tentunya kami tidak mensia-sia peluang ke Eiffel Tower.

Cabaran ketika itu cuaca berubah mendadak, dari panas sepanjang hari kepada hujan sepanjang hari. Iklim tiba-tiba berubah dengan hujan lebat.

Kami turut menghadapi keadaan sama ketika berkayuh ke Stuttgart, Jerman. Hujan sepanjang perjalanan. Sejuk. Tangan juga kebas.

Hujan menyukarkan kami untuk mendirikan khemah. Strategi kami, cepat-cepat buka khemah dan barulah buka zip pintu khemah itu untuk masuk ke dalam.

Satu lagi ialah gangguan sejenis siput berlendir yang tiada cengkerang. Terlalu banyak hingga menimbulkan rasa tidak selesa. Ia menjalar di khemah, bahkan basikal dan peralatan kami.

Selain itu, Musée du Louvre iaitu tempat menyimpan artifak berharga dari serata dunia semasa Napoleon menjajah dunia, juga tidak kurang menariknya. Semua artifak dari Mesir, Jerman, England, Afrika ada di situ.

Paling tak dilupakan, roti croissant yang enak sekali. Walaupun mahal - RM4 satu tetapi berbaloi. Mereka betul-betul menguasai resepi pembuatan roti itu berbanding England dan Jerman.

Dalam perjalanan, kami juga bertemu penganut Islam Nigeria di satu pangsapuri yang dijadikan masjid di Perancis. Rata-ratanya orang Afrika. Mereka memberi kami makanan dan tempat tidur.

Selepas 15 hari, kami pun berkayuh ke Jerman.

Siri 3: Berdiri di sempadan tanpa sempadan

JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER



Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan bagi kerja/bekalan berikut:-

Pejabat yang Memanggil tender	Tajuk Projek (Pembiayaan)**	Taraf/ Jenis Syarikat	Gred, Kategori, Pengkhususan	Tempat & Tarikh Dokumen Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	KERJA-KERJA OPERASI DAN PENYENGGARAAN SECARA KOMPREHENSIF DI KOMPLEKS MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH DAN KUARTERS KAKITANGAN SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN (3 TAHUN) NO. TENDER: JKR/SEL/(N)/012(T)/2015	Bumiputra T1	CIDB, SPKK, PKK Gred : G6 Kategori : B Pengkhususan: B08, B09, B10, B24 & B27 ATAU Kategori : CE Pengkhususan: CE14, CE21, CE32, CE38 & CE39 ATAU Kategori : E Pengkhususan: E01, E02, E03, E04, E06, E07, E11 & E14 ATAU Kategori : M Pengkhususan: M01, M02, M03, M04 & M20 Kontraktor adalah diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. Tarikh Dokumen Dijual: 02/03/2015 (Isnin) Sehingga 16/03/2015 (Isnin)	RM 430.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) (bayaran ini tidak akan dikembalikan) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 23/03/2015 (Isnin) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari. Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan.

Lawatan Tapak DIWAJIBKAN pada 02/03/2015 (Isnin) Jam 10.00 pagi Berkumpul di Dewan Seminar (Araas Bawah) Masjid SSAAS, Shah Alam. Sebarang pertanyaan hubungi Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Selangor. No. Tel: 03 55447579

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa Sijil asal PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR, SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN serta SIJIL TARAF BUMIPUTERA dan satu (1) salinan bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.

***Jenis Syarikat Tempatan:**

- T1 Syarikat 100% milik tempatan
- A1 Syarikat 100% milik tempatan dan syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah 10% warganegara.
- A2 Syarikat 100% milik tempatan, syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL dan Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

MPSJ perluas Pusat Biomass Bersepadu

OLEH NAEEM RAFFI

SUBANG JAYA - Kejayaan fasa pertama Pusat Biomass Bersepadu menjadi pemangkin kepada Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) untuk membuka fasa kedua bagi menjayakan pembangunan Bandar Hijau.

Yang Dipertua MPSJ, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, inisiatif itu diambil selepas kejayaan Pusat Biomass Bersepadu di Bukit Puchong yang ditubuhkan sejak 2012.

"Setakat ini, kita ada Pusat Biomass di tanah seluas dua ekar. Kali ini lebih besar membabitkan tanah seluas lima ekar.

"Kita masih dalam peringkat perancangan memandangkan ada beberapa perkara yang perlu diperincikan," katanya kepada Selangor kini dalam satu temubual eksklusif.

MPSJ mengambil inisiatif membangunkan Bandar Biomass dengan memilih Ser-

dang sebagai pilot projek pada 2012 melalui Pelan Tindakan Bandar Hijau 2030.

Bandar Biomass MPSJ memfokuskan sembilan bidang utama membabitkan khidmat komuniti, alam sekitar, kejuruteraan, bandaraya hijau, sumber maklumat, bandar selamat, pembangunan modal insan, perkhidmatan perbandaran dan pengindahan persekitaran.

Inisiatif pintar itu turut mendapat kerjasama Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan penyelidik dari Kementerian Perikanan dan Perhutanan Jepun.

Sehubungan itu, Nor Hisham berkata, Pusat Biomass Bersepadu MPSJ di Bukit Puchong dibangunkan bagi pengurusan sisa buangan (makanan atau organik) dan menghasilkan produk berguna seperti baja kompos melalui kitar semula.



MPSJ anjur pertandingan Kaligrafi

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) akan menganjurkan 'Pertandingan Kaligrafi Cina' peringkat sekolah rendah dan menengah pada 28 Februari.

Tujuan mengadakan pertandingan, adalah untuk mencung-

kil bakat anak-anak muda yang boleh menulis kaligrafi dengan cantik, inovatif dan kemas.

Sebarang pertanyaan berkenaan Pertandingan Kaligrafi Cina orang ramai boleh layari www/mpsj.gov.my atau hubungi 03-5638 7704/5637 1704.



PRIHATIN... sejumlah RM200,000 diserahkan kepada Yayasan Islam Kelantan (YIK) sebagai bantuan pendidikan pasca banjir Kelantan oleh Exco Hal Ehwal Agama, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi yang turut disertai Adun Tanjung Sepat, Mohd Haslin Hassan. Sumbangan diterima Pengarah YIK, Tengku Ab Rahman Tuan Yunus dan disaksikan Exco Pembangunan Insan, Pendidikan dan Pengajian Tinggi Kelantan, Datuk Dr Mohamed Fadzli

Fasa 2 jalan sehalu PJ diteruskan

PETALING JAYA - Fasa kedua projek sistem jalan sehalu diteruskan di sekitar Pusat Bandar Seksyen 52 membabitkan Jalan Barat, Utara, Timur, Sultan dan Yong Shook Lin.

Pemangku Datuk Bandar MBPJ, Pua-sa Md Taib berkata, MBPJ membuat penambahbaikan ke atas reka bentuk pelan jalan itu.

Katanya, ia bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya termasuk pejalan kaki diberi keutamaan.

"Ia selaras teguran Tetuan Pakatan Jurutera Pintar, Perunding Audit Keselamatan Jalanraya yang dilantik MBPJ.

"Projek ini diteruskan sejajar dengan keperluan masa kini dan akan datang," katanya.

KENYATAAN SEBUT HARGA



MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)

Pembekal/Kontraktor Bumiputera yang berpengalaman serta berkeupayaan, berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dengan pendaftaran masih sah laku tempohnya dan mempunyai jenis perniagaan Sendirian, Sendirian Berhad / Awam adalah dipelawa untuk membuat tawaran harga bagi kerja-kerja berikut:-

No. Sebutharga	Perkara	Kod Bidang	Tempat, Tarikh dan Waktu Tawaran Ditutup	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama
MBI.Sel.(2015) SUK II / SEBUTHARGA JLD. 4 - (12)	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DAN PENCUCIAN SERTA MEMBEKAL PERALATAN TANDAS DI BANGUNAN DARUL EHSAN (SUK II)	221001 / 221002 / 221003	Pejabat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Tingkat 14 Bangunan SSAAS 40503 Shah Alam 17.03.2015 (Selasa) Sebelum 12.00 tengahari	RM 100.00 Bayaran menggunakan wang pos/bank draf. (bayaran ini tidak akan dikembalikan) Atas nama : Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)

Dokumen Sebutharga boleh didapati semasa lawatan tapak dan taklimat pada tarikh dan masa seperti berikut :

Tarikh Lawatan Tapak : 03.03.2015 (Selasa)

Masa : 10.00 Pagi

Tempat : Pejabat Pengurusan Bangunan Tingkat LG, Bangunan Darul Ehsan, Jalan Indah Seksyen 14, 40000 Shah Alam

Taklimat projek dan lawatan tapak hanya diadakan sekali sahaja. Sekiranya Pembekal/Kontraktor gagal untuk menghadiri taklimat, Pembekal/Kontraktor masih boleh membeli Dokumen Sebutharga di **Pejabat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan), Tingkat 14, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan**. Sila bawa Cop Syarikat serta Profile Syarikat semasa menghadiri lawatan tapak pada hari berkenaan.

HASRAT penyokong Gergasi Merah memiliki pas semusim bagi perlawanan Liga Super 2015, terzhahir. Rata-rata berterima kasih kepada FAS dan menyifatkannya sebagai langkah profesional.

Satu permulaan baik. Ke arah menjadi kelab profesional, ini antara usaha menjana pendapatan. Perbanyakkan perubahan positif seperti ini kerana kelab profesional tidak perlu bergantung sepenuhnya kepada negeri, mereka perlu pandai cari duit sendiri

MOHAD FARID AZFAR (GAMBAR)



Satu usaha yang wajar dipuji, FAS prihatin dengan keperluan dan kehendak penyokong. Kami akan beri sokongan yang terbaik dalam membantu pasukan mara ke final.

ZAFRULLAH AHMAD



Kaji guna sistem e-tiket

OLEH **NAEEM RAFFI**



Amirudin Shari

SHAH ALAM - Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) sedang mengkaji sistem e-tiket yang mempunyai ciri keselamatan yang lebih baik untuk diguna pakai di Stadium Shah Alam.

Exco Sukan, Amirudin Shari berkata ia mengambil sedikit masa untuk memastikan pelaksanaan sistem itu memberi manfaat kepada semua pihak terutama peminat tegar Gergasi Merah.

"Bersesuaian dengan musim

liga, kita sasar penggunaan sistem e-tiket mencecah hingga 30 peratus dari keseluruhan penggunaan stadium (jualan tiket)," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Tiket Semusim Perlawanan Bola Sepak Liga Super 2015, 21 Februari lalu.

Sementara itu, Amirudin berkata, peminat tegar Gergasi Merah yang memperoleh tiket semusim bagi perlawanan Liga Super 2015, diberi beberapa keistimewaan.

Katanya, tiket sedemikian terhad kepada 1,200 unit bernilai RM250 itu meliputi harga 11 perlawanan di Stadium Shah Alam.

Antaranya, tempat letak kereta khas dan laluan khusus masuk ke stadium, selain menerima t-shirt dan mafla dan potongan 20 peratus pembelian barangan sukan jenama Kappa

Ia boleh didapati di kaunter jualan di Kompleks Sukan dan Kebudayaan Seksyen 7, Shah Alam antara 23 Februari hingga 7 Mac.

Selamat Menyambut Tahun Baru Cina

RUMAH TERBUKA SEMPENA PERAYAAN TAHUN BARU CINA NEGERI SELANGOR

大家一起同欢共庆 雪兰莪州新春开放门户庆典

28hb Feb 2015 (Sabtu) | 2015年2月28日 年初十

7.30 pm @ Padang Perbandaran Ampang Jaya | 晚上7时30分 @ 班丹英达安邦再也市议会大草场
Jalan Pandan Utama, Pandan Indah. (Beside MRR2) | Jalan Pandan Utama, Pandan Indah. (第二中环公路 MRR2 旁)



Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali
Dato Menteri Besar Selangor
 雪州大臣 阿兹敏阿立



Y.B. Dato' Teng Chang Khim
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor
 雪州州议会成员 章登章钦

INVEST SELANGOR